

24 AUG 2002

Nik Aziz-Taksub

PAS TIDAK ASUH PENGIKUT TAKSUB KEPADA PARTI, KATA NIK AZIZ

KOTA BAHARU, 24 Ogos (Bernama) -- Mursyidul Am PAS Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat berkata PAS tidak pernah menanam rasa taksub di kalangan pengikutnya dalam usaha memperkukuhkan sokongan.

Beliau berkata PAS menggunakan iltizam bagi memperkukuhkan perjuangannya dengan berpegang teguh kepada ajaran Islam.

Apa yang dilakukan oleh PAS digalak oleh Islam, katanya kepada pemberita semasa mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam bahawa kaedah PAS untuk mendapat pengaruh dengan memupuk rasa taksub di kalangan pengikutnya terhadap parti itu menyamai taktik pembunuhan Al-Arqam yang diharamkan.

Nik Aziz yang juga Menteri Besar Kelantan berkata sebenarnya rakyat semakin bersimpati terhadap PAS yang diserang habis-habisan oleh musuh politiknya tanpa mendapat ruang untuk mempertahankan diri termasuk melalui media massa.

"Dalam keadaan PAS disekat dengan bermacam-macam undang-undang, pengaruh PAS tetap mendapat sambutan terutamanya di kalangan intelektual," katanya.

Mengenai tindakan beberapa pihak yang mengecam arahnya supaya harimau yang berkeliaran di pinggir hutan Jeli ditembak mati, Nik Aziz berkata tindakannya itu bagi menyelamatkan nyawa penoreh getah yang sering diancam binatang berkenaan.

Katanya, nyawa rakyatnya lebih penting daripada nyawa harimau dan dalam Islam pun ada senarai binatang tertentu yang boleh dibunuh jika mengancam nyawa manusia.

"Mereka berpandangan sayang kepada binatang buas ini sebagai khazanah negara...saya pandang kepada harimau dan saya juga pandang kepada rakyat tetapi yang mana lebih berharga nyawa manusia dengan harimau," katanya.

Tabung Hidupan Liar Dunia (WWF) Malaysia membantah tindakan itu dan berpendapat ia tidak akan menyelesaikan ancaman haiwan itu terhadap penduduk.

Dalam empat kejadian serangan harimau yang berlaku di Jeli tahun ini, tiga daripada mangsa mati manakala seorang cedera parah. Kesemua mangsa adalah penoreh getah.

Ramai penoreh getah dan penduduk kampung di Jeli dilaporkan tidak berani keluar bekerja ekoran ancaman haiwan liar itu dan keadaan itu menghimpit kehidupan harian mereka.

-- BERNAMA

BD MOZ